

10/03/2001

Australia cuba keruhkan hubungan dengan Malaysia

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Australia sekali lagi cuba mengeruhkan hubungannya dengan Malaysia apabila membuat tuduhan terbuka mendakwa Malaysia menjadi punca negara itu gagal menyertai Persidangan Dunia Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perkauman yang diadakan di Tehran, Iran, dua minggu lalu.

Sambil melahirkan rasa dukacita terhadap tuduhan liar itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid berkata, kegagalan Australia menghadiri persidangan berkenaan bukan disebabkan halangan dari Malaysia, sebagaimana didakwa.

"Negara-negara Asia bersetuju untuk menjemput Australia menghadiri sesi terbuka dan bukan seluruh persidangan. Ini selaras dengan proses Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kerana di bawah PBB, Australia tergolong dalam negara Eropah Barat dan lain-lain.

"Ini bukan keputusan Malaysia saja. Saya tidak faham mengapa mereka buat tuduhan secara terbuka ke atas Malaysia dan cuba memecahbelahkan negara-negara Asia," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat utusan khas Presiden Filipina, Paul G Domingues, di Wisma Putra, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai tuduhan yang dibuat Menteri Luar Australia, Alexander Downer, terhadap Malaysia baru-baru ini.

Kerajaan Australia secara terbuka mendakwa Malaysia menggunakan kuasa veto untuk menyekat penyertaan Australia dan New Zealand dari menghadiri persidangan tiga hari itu.

Malah, Menteri Luar New Zealand, Phil Goff juga menghantar surat bantahan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB kerana turut menuduh Malaysia sebagai penghalang bagi kedua-dua negara berkenaan menjadi peserta.

Syed Hamid berkata, beliau sudah menghantar surat kepada Downer bagi menjelaskan kedudukan sebenar mengenai perkara itu, tetapi Australia dalam surat balasannya tetap mendakwa Malaysia yang menjadi dalang.

"Sebagai tuan rumah, Tehran hanya jemput dia (Australia) untuk sesi terbuka. Dia pula tak mahu hadir kalau tak dapat hadir semua. Ini bukan masalah kita, kalau dia tak nak hadir, itu masalah dia.

"Sebenarnya, Australia sering melihat sesuatu bila benda itu tidak ada. Jadi, bila dia gagal untuk sertai, yang menjadi tumpuan dia ialah Malaysia," katanya.

Media Australia dan New Zealand sejak akhir-akhir ini menjadikan Malaysia sebagai sasaran apabila menyiarkan laporan yang menuduh Malaysia cuba menghalang kemasukan kedua-dua negara berkenaan memasuki kumpulan Asia.

Menurut media Australia, walaupun kebanyakan dari 50 negara yang menyertai persidangan itu gembira dengan penyertaan Australia, Malaysia adalah satu-satunya negara yang menghalang usaha berkenaan.

Sementara itu, Syed Hamid berkata, kunjungan Domingues ke Malaysia adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan dua hala antara Filipina dan Malaysia.

"Beliau menyampaikan keinginan kerajaan baru Filipina untuk meningkatkan hubungan baik kedua-dua negara. Malah, beliau juga turut membincangkan kesempatan yang boleh diambil mengenai masalah berkaitan Mindanao dan Selatan Filipina," katanya.

Ditanya sama ada pertemuan itu turut membincangkan amaran Naib Presiden Filipina mengenai bekas Presidennya, Joseph Estrada, Syed Hamid berkata: "Topik itu tidak timbul langsung."

Menurutnya, isu memberi perlindungan kepada Estrada tidak akan timbul

kerana Malaysia percaya beliau tertakluk kepada undang-undang Filipina dan Estrada tidak mempunyai sebarang imuniti.

Sebelum itu, Domingues turut membuat kunjungan hormat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

(END)